

Penerima bantuan PPZ-MAIWP bertambah 14,746 pada tahun lalu

Jumlah asnaf semakin meningkat

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

KUALA LUMPUR – Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) mengesan jumlah penerima bantuan zakat meningkat seramai 14,746 tahun lepas, menandakan golongan 'asnaf segera' semakin bertambah dalam kalangan masyarakat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad berkata, pertambahan penerima bantuan zakat secara langsung daripada dana zakat MAIWP itu disebabkan faktor pandemik Covid-19.

"Seramai 201,779 orang penerima zakat direkodkan pada tahun 2020, manakala berlaku peningkatan pada tahun 2021 dengan jumlah penerima asnaf meningkat kepada 216,525 orang.

"Penutupan beberapa sektor ekonomi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ramai pekerja daripada sek-



IDRIS (tengah) menunjukkan hasil kutipan zakat PPZ-MAIWP di Wisma PPZ, Taman Shamelin, Cheras semalam.

tor pembuatan, perniagaan dan mereka yang bekerja sendiri menjadi 'asnaf segera' kerana tiada simpanan kecemasan," kata Idris.

Beliau berkata demikian keti-

ka merasmikan Majlis Pengumuman Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat, di Wisma PPZ di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi MAIWP, Tan Sri Dr. Mohd. Daud Bakar, Pe-

mangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman.

Sementara itu, Idris menje-

laskan pandemik Covid-19 tidak menjejaskan prestasi kutipan zakat apabila berjaya mengutip RM828 juta dengan jumlah keseluruhan pembayar zakat lebih 1 juta orang bagi tahun 2021.

"Jumlah kutipan zakat harta meningkat sebanyak sembilan peratus kepada RM816 juta, manakala kutipan zakat fitrah turut meningkat 10 peratus kepada 264,463 orang setakat tahun lepas.

"Situasi Covid-19 tidak menghalang masyarakat untuk menyumbang lebih kepada kita terutamanya pembayar yang mendapat keuntungan lumayan hasil perniagaan online mengandakan bayaran zakat mereka," katanya.

Tambah beliau, kutipan zakat itu menunjukkan peningkatan kerana PPZ-MAIWP turut proaktif menjalankan kepelbagaian saluran bayaran zakat seperti perkhidmatan Kaunter Zakat Digital dan aplikasi MyZakat.